

# Larian Perpaduan 2018

## PANDUAN PENGURUS PASUKAN

1. Larian ini akan dijalankan mengikut peraturan KOM/IAAF 2012/13 dan peraturan larian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
2. Larian akan diadakan pada Hari 10 Februari 2018 (Sabtu ) jam 7.30 pagi bermula di atas jalan berhadapan Pusat Kecemerlangan Sukan Westlands, Pulau Pinang. Peserta hendaklah mula larian dalam kumpulan permulaan yang ditetapkan seperti berikut :- (4 permulaan)
  - Kum.Pertama – Lelaki & Wanita Terbuka (1001 / 2001)
  - Kum. Kedua - Lelaki 18tkb & B15tkb (3001 / 4001)
  - Kum. Ketiga - Perempuan 18tkb & B15tkb (6001/ 7001)
  - Kum. Keempat- Lelaki & Perempuan 12 tkb (5001 /8001)
3. Pada hari larian, semua peserta (**bukan wakil/guru**) dengan memakai nombor hendaklah melaporkan diri di Padang PKSW mulai jam 7.00 pagi untuk mendapatkan “wristband” sebagai tanda pendaftaran dan tidak dibenarkan keluar dari kawasan tersebut tanpa kebenaran pegawai.
4. Peserta **HENDAKLAH memakai nombor yang didaftarkan** dan sekiranya tidak memakai nombor tersebut, peserta itu akan dibatalkan. Peserta yang tidak didaftarkan dalam sistem pendaftaran Urusetia akan juga dibatalkan sekiranya menang.  
**Tanggungjawab Pengurus Pasukan untuk memastikan peserta memakai nombor yang ditetapkan dan didaftarkan dalam sistem pendaftaran Urusetia.**
5. Pengurus Pasukan sekolah dinasihatkan untuk mendapatkan kebenaran ibu bapa/waris para peserta untuk penyertaan dalam larian ini.
6. Pakaian Peserta – pastikan Kemas dan bersesuaian untuk larian jarak jauh. / nombor dapat dilihat dengan jelas.Sekolah/Peserta perlu menyediakan pin secukupnya (**4 pin bagi sehelai nombor**)
7. Di sepanjang laluan larian terdapat ‘check point’ dan di “check point” tersebut peserta dikehendaki mengutip “wristband” yang berlainan warna kecuali kategori 12 tkb.
8. Sila pastikan anda telah mendaftar dalam kategori yang betul. Sila lihat jadual dibawah.

Kategori	Jarak	Umur	Had Masa	Tahun Lahir	Hadiah	No. Peserta	Funnel
Lelaki Terbuka	5.5 km	19t ke atas	75 minit		1-15	1001	1
Wanita Terbuka	5.5 km	19t ke atas	75 minit		1-15	2001	
LELAKI 18 TKB	5.5 km	16-18 thn	75 minit		1-30	3001	1
LELAKI 15 TKB	5.5 km	13 –15 thn	75 minit		1-30	4001	
LELAKI 12 TKB	2.4km	12 TKB	45 minit		1-30	5001	Sekali dg P12 tkb
Perempuan 18 TKB	5.5 km	16-18 thn	75 minit		1-30	6001	1
Perempuan 15 TKB	5.5 km	13 –15 thn	75 minit		1-30	7001	
Perempuan 12 TKB	2.4km	12 TKB	45 minit		1-30	8001	Sekali dg L12 tkb

Umur dikira seperti pada 1.1.2018

9. Laluan Larian

**Lelaki B18t/Lelaki B15t / Perempuan B15t / Perempuan B18t /Terbuka Lelaki &Wanita (5.5km)**

Mula di Jalan Padang Victoria, Jalan Perak, Jalan Macalister, Jalan Penang, Jalan Burmah, Jalan Pangkor, Jalan Perak, Jalan Khaw Sim Bee (SMK Westlands), Jalan Padang Victoria, dan tamat di Padang PKSW mengikut lorong yang ditentukan.

**Bawah12 tahun – Lelaki/Perempuan (2.4 km)**

Mula di Jalan Padang Victoria, Jalan Perak, Jalan Macalister, Jalan Anson, Jalan Westlands (sebelah TNB), Jalan Padang Victoria dan tamat di Padang PKSW mengikut lorong yang ditentukan.

*Sila lihat peta laluan larian.*

10. Sila patuhi arahan Pegawai Polis, Rela dan Marsyal di sepanjang laluan.
11. Tempat letak kereta adalah terhad di PKSW. Guru-guru boleh meletak kereta di SJKC Union. Bas-bas yang menghantar peserta dinasihatkan untuk "parking" di luar kawasan laluan larian.
12. . Minuman / Makanan (roti & kek) untuk peserta - disediakan oleh penganjur selepas tamat larian.
13. Keselamatan – sentiasa menjaga keselamatan diri dan harta benda sebelum, semasa dan selepas larian. Peserta juga dinasihatkan supaya tidak membawa alat elektronik seperti telefon bimbit semasa larian. Pergerakan peserta semasa berada PKSW perlu dititikberatkan dan adalah tanggungjawab masing-masing.
14. Kawasan Memanaskan badan – disebelah padang PKSW di kawasan pendaftaran.
15. Keputusan akan dipamerkan di papan kenyataan di luar bilik Urusetia .
16. Bantahan – hanya pengurus pasukan/guru pengiring (seorang sahaja) boleh membuat bantahan secara lisan kepada Referi. Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang cengkeram sebanyak RM200.00. Sekiranya bantahan tidak berjaya wang cengkeram tersebut tidak akan dikembalikan.
17. Majlis Penyampaian Hadiah akan diadakan di padang mulai jam 9.00 pagi (jangkaan)  
*Penyampaian hadiah untuk- pemenang Pertama hingga ke 6 akan disampaikan di pentas. Pemenang ke 7 hingga ke 30 akan diberikan di luar bilik Urusetia.*  
Pemegang pertama hingga ke 6 hendaklah berpakaian kemas semasa menerima hadiah di pentas. Sila memakai pakaian yang memamerkan nama sekolah.

Aturcara Majlis (tertakluk kepada perubahan)

7.00 pagi – Pendaftaran Peserta

7.30 pagi – Pelepasan Peserta –Kum.Pertama – Lelaki & Wanita Terbuka (1001 / 2001)

(4 permulaan) Kum. Kedua - Lelaki 18tkb & B15tkb (3001 / 4001)

Kum. Ketiga - Perempuan 18tkb & B15tkb (6001/ 7001)

Kum. Keempat- Lelaki & Perempuan 12 tkb (5001 /8001)

9.00 pagi – Larian dijangka tamat.

Penyampaian Hadiah / cabutan bertuah

10.00 pagi – Bersurai.

18. J/k Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Peraturan KOM/IAAF dan peraturan larian ini.
19. Sila jaga kemudahan awam dan kebersihan persekitaran PKSW. Terima kasih.